

**PELAKSANAAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN  
BERDASARKAN PENGKHUSUSAN PENGAJIAN  
DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

*Implementation of Online Learning based on Specialisation at the  
Institute of Teacher Education*

Syed Ismail Syed Mustapa, PhD. Abdul Hameed Abdul Majeed PhD. Lee Leh Hong, PhD. Edaham  
Ismail, PhD. & Ahmad Subki Miskon  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas  
syed\_ismail@ipgkik.edu.my

**ABSTRAK**

*Kajian ini dijalankan untuk meninjau pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian berdasarkan pengkhususan pengajian pelajar di Institut Pendidikan Guru (IPG). Fokus kajian terhadap empat aspek iaitu persepsi terhadap pembelajaran secara dalam talian, isu utama dalam aspek pembelajaran, isu utama dalam aspek pentaksiran dan kesesuaian pembelajaran secara dalam talian terhadap pelajar. Sampel kajian ini terdiri daripada 496 orang pelajar dari IPG Kampus Ilmu Khas yang berada di pelbagai peringkat pengajian dan pengkhususan pengajian. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan (explanatory mixed method) dengan menjadikan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik sebagai rujukan utama. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 488 orang pelajar (98.4%) menggunakan aplikasi whatsapp untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Seterusnya dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pembelajaran pelajar semasa mengikuti pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian bagi semua pengkhususan pengajian berada pada tahap tinggi dengan min antara 3.54 - 3.78. Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa isu utama dalam aspek pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran secara dalam talian adalah masalah untuk akses kepada rangkaian internet (336 orang; 67.7%). Kajian juga mendapati antara isu utama dalam aspek pentaksiran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran secara dalam talian adalah kesukaran untuk menyempurnakan tugas dengan lebih baik (min 3.27; sp= .91). Dapatkan kajian seterusnya menunjukkan bahawa 286 orang (57.6%) daripada pelajar menyatakan bahawa pembelajaran secara dalam talian adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan di IPG. Seterusnya pengkaji mencadangkan supaya pensyarah menggunakan pelbagai medium elektronik agar pembelajaran secara dalam talian menjadi lebih menarik dan kemudahan rangkaian internet perlulah dipertingkatkan untuk membolehkan semua pelajar akses kepada rangkaian internet. Selain itu, pensyarah juga digalakkan untuk memberikan pendedahan terperinci terhadap setiap tugas agar pelajar dapat menyempurnakan tugas yang diberikan. Bilangan kerja kursus dan tugas dalam aktiviti tutorial perlu dikurangkan agar tidak terlalu membebankan pelajar.*

**Kata Kunci:** pembelajaran dalam talian, rangkaian internet dan medium

**ABSTRACT**

*This study aims to examine the implementation of online learning based on teacher trainees' specialisation at the Institute of Teacher Education (IPG). The study focuses on four aspects: the perception of online learning, the primary issues in the learning aspect, the primary issues in the assessment aspect, and the suitability of online learning for teacher trainees. The sample for this study consist of 496 teachers from IPG Kampus Ilmu Kuala Lumpur with varying levels of education and specialization. This study employs a combined approach (mixed explanatory method) with a strong reliance on quantitative approaches via questionnaire instruments. A total of 488 teachers (98.4 percent) used the WhatsApp*

*application to keep track of online learning. The levels of teacher trainees' learning with the implementation of online learning for all specializations of study are high, ranging between 3.54 and 3.78. The primary issue teacher trainees encountered in the learning aspect of the online learning process were a lack of access to the internet network (336 students; 67.7 percent). The challenges teacher trainees faced were of the assessment aspect of the online learning process, particularly is the inability to complete tasks more efficiently ( $M=3.27$ ;  $SP=.91$ ). This study revealed that 286 teachers (57.6 percent) stated that online learning was not appropriate to be implemented at IPG. This study also recommends that lecturers need to utilize a variety of electronic mediums to make online education more appealing and that internet network capabilities needs to be enhanced to enable all teachers to access the internet network. The lecturers are encouraged to provide detailed exposure to each assignment to enable teacher trainees to successfully complete the tasks assigned. The amount of coursework and project that are given during tutorial activities should be decreased to avoid overburdening students.*

**Keywords:** online learning, internet network and medium

## PENGENALAN

Kerajaan telah mengambil tindakan pantas untuk menghadapi pandemik COVID-19 dengan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 hingga 31 Mac 2020. Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia (PKP) 2020 merujuk tindakan pencegahan oleh kerajaan dan telah dilaksanakan di seluruh negara. Kemudiannya perintah ini dilanjutkan lagi mengikut tempoh masa yang diumumkan dari semasa ke semasa, bergantung kepada peningkatan kes dan lokasi jangkitan berkenaan berlaku. Pelaksanaan PKP telah banyak membantu kerajaan dalam mengawal peningkatan dan penularan kes positif COVID-19.

Melalui pelaksanaan PKP, operasi pelbagai organisasi telah diarah untuk ditutup, terutamanya bidang yang melibatkan interaksi antara pelbagai golongan masyarakat. Institusi pendidikan, universiti awam, universiti swasta, dan sekolah merupakan antara sektor yang turut diarahkan ditutup dan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu dilaksanakan secara dalam talian. Pembelajaran secara dalam talian ini merupakan satu norma baru kepada proses pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan kaedah bersemuka. Norma baru ini telah menyebabkan pembelajaran secara dalam talian bukan lagi satu pilihan tetapi telah menjadi satu keperluan.

Pelaksanaan PdP secara dalam talian ini membawa cabaran kepada pengajar dan pelajar untuk mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran agar proses PdP dapat diteruskan. Para pelajar di Institut Pendidikan Guru (IPG) juga tidak terkecuali daripada mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Malah semasa pada awal pelaksanaan PKP yang bermula dari Mac hingga September 2020, kuliah dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian.

Bersesuaian dengan perkembangan semasa, perkembangan dalam bidang teknologi yang canggih membolehkan aktiviti PdP secara dalam talian berlaku di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa. Pelbagai aplikasi telah digunakan bagi melancarkan proses PdP secara dalam talian. Antara yang menjadi tumpuan warga pendidik adalah penggunaan *google classroom*, *google meet*, *zoom* dan *whatsapp*. Pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian ini juga merupakan sistem penyampaian ilmu secara elektronik yang biasanya lebih dikenali sebagai sistem pengurusan pembelajaran, sistem pembelajaran virtual, dan sistem pengurusan kandungan yang disokong dengan isi pembelajaran dan kemudahan infrastuktur (Nor Aziah & Mohd Taufik, 2016).

## PERNYATAAN MASALAH

Terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh guru-guru ketika mengajar semasa pandemik Covid 19 ini. Antara yang sering berlaku adalah platform pendidikan yang disediakan sering kali ditutup secara mengejut kerana tidak dapat menampung bilangan pelajar yang ramai, penggunaan komunikasi intrapersonal yang tidak dapat diterapkan, pelajar sering ponteng semasa kelas dalam talian dan penyertaan yang sangat terhad dalam kalangan pelajar semasa sesi perbincangan (Bao, 2020). Selain itu perubahan kaedah pembelajaran secara bersemuka dalam kelas kepada platform pembelajaran secara dalam talian yang perlu dilakukan secara mendadak menimbulkan kesulitan serta tekanan kepada guru dan pensyarah untuk melaksanakannya dalam masa yang singkat semasa tempoh PKP (Yasmin, 2020).

Kebolehan untuk akses kepada internet juga ada kaitan dengan faktor pendapatan kewangan keluarga pelajar. Selain itu, terdapat sebahagian daripada pelajar yang tidak mempunyai bilik sendiri dan kemudahan prabayar yang mencukupi untuk mengikuti kelas secara dalam talian pada setiap hari. Di samping itu pelajar juga perlu menyusun jadual pembelajaran mereka sendiri, mencari bahan-bahan pembelajaran yang diberikan oleh pensyarah, menyusun jadual perbincangan bersama rakan bagi menyempurnakan tugas berkumpulan, menentukan tugas yang perlu disiapkan sebelum tarikh tutup tugas, serta membuat pelbagai keputusan yang memerlukan kemahiran penyelesaian masalah seperti masalah internet yang tidak stabil atau lemah, rakan kumpulan tugas yang tidak ada akses internet, laptop dan pembesar suara yang bermasalah dan sebagainya (Nor Hidayati, 2020).

Seterusnya antara cabaran lain pembelajaran secara dalam talian adalah kekurangan alat sokongan dan infrastruktur telekomunikasi tanpa wayar yang dihadapi oleh pelajar di luar bandar serta reka bentuk kandungan pembelajaran yang kurang memberi pertimbangan kepada aspek budaya. Dasar kerajaan, motivasi pelajar dan keterlibatan terhadap budaya yang berpotensi untuk menyokong kandungan pembelajaran merupakan antara faktor yang turut mempengaruhi perkembangan e-pembelajaran (mudah alih) di IPT Malaysia (Syed Lamsah, 2017).

Di samping itu, terdapat juga pelajar yang akan memberikan alasan masalah untuk akses kepada internet bagi menghantar lewat sesuatu tugas yang diberikan. Kajian mendapati alasan utama pelajar apabila PdP atas talian ialah pemilikan komputer berinternet. Mereka menjadikan ini sebagai alasan apabila lewat menghantar tugas dan sebagainya. Situasi ini akan menyukarkan pensyarah untuk melakukan pentaksiran terhadap pelajar tersebut. Oleh yang demikian, setiap pensyarah perlu mencari alternatif lain sekiranya pelajar menjadikan isu ketiadaan internet dan pemilikan komputer sebagai alasan (Faizatul & Nor, 2017).

Seterusnya didapati bahawa penggunaan teknologi di peringkat sekolah dan pengajian tinggi telah diguna pakai dalam proses PdP seperti e-learning, *blend learning* dan *mobile learning*. Perkembangan teknologi dari semasa ke semasa menjadikan proses PdP lebih mudah untuk dilaksanakan, menarik minat pelajar dan menjimatkan masa. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa halangan untuk melaksanakan proses PdP secara dalam talian. Antaranya adalah seperti kekurangan kemudahan peralatan dan sambungan rangkaian internet (Noriyani, 2017). Walaupun pembelajaran secara dalam talian menawarkan pelbagai kelebihan, namun belum tentu dapat membantu proses pembelajaran bagi bidang pengajian tertentu dan tahap pengajian yang tertinggi (Munirah, Issham, Azidah & Hanysah 2012; Valentina & Nelly, 2014).

## KAJIAN LITERATUR

Kerajaan telah mengagihkan peruntukan yang besar kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya dalam menyediakan kemudahan infrastuktur untuk membolehkan murid mengikuti pembelajaran dengan efektif. Namun begitu hasil daripada kajian yang dijalankan pada masa kini menunjukkan seolah-olah usaha kerajaan yang telah membelanjakan wang jutaan ringgit untuk pembangunan teknologi e-Pembelajaran tidak menunjukkan perkembangan yang positif dan kurang mendapat sambutan (Jabatan Audit Negara Malaysia, 2019).

Jika situasi seperti ini tidak ditangani, maka pelaburan dalam bidang pendidikan ini dikhawatir tidak akan memberi manfaat kepada para pelajar. Sedangkan kajian mendapati bahawa pelaksanaan PdP secara dalam talian memberi banyak manfaat khususnya kepada pelajar yang pendiam dan pemalu. Ini disebabkan mereka boleh melibatkan diri dalam perbincangan maya tanpa perlu berasa malu untuk mengeluarkan pendapat dan seterusnya boleh menjadikan mereka lebih aktif dalam forum tersebut (Zahiah & Abdul, 2010). Seterusnya kajian lain pula mendapati bahawa penggunaan telefon pintar (*smart phone*) oleh semua golongan pada masa kini membolehkan PdP dijalankan di mana sahaja dengan syarat mempunyai capaian internet yang baik. Justeru, aktiviti PdP akan lebih menarik dan menyeronokkan sekiranya dijalankan secara dalam talian (Ahmad et al., 2014).

Selain itu terdapat juga kajian bahawa berdasarkan teknologi maklumat, pertimbangan yang wajar harus diberi perhatian kerana teknologi maklumat tidak terhad kepada penggunaan internet dan komputer sahaja, sebaliknya kaedah PdP boleh dipelbagaikan menggunakan medium yang lain seperti telefon mudah alih, telegram dan lain-lain (Thulasimani, 2014). Terdapat pelbagai aplikasi yang boleh digunakan untuk melaksanakan pembelajaran secara dalam talian. Antara aplikasi tersebut adalah *telegram*, *google classroom* dan *whatsapp* yang sesuai digunakan sebagai medium pengajaran secara dalam talian. Namun begitu, aplikasi lain yang sesuai untuk sesi PdP perlu dikaji lebih lagi seperti media sosial, *e-learning*, video *streaming* dan *youtube* (Nor Halina, Norlizawati & Norhafinas, 2020).

Kajian juga mendapati bahawa kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi menyedari pembelajaran dengan menggunakan medium elektronik, khususnya pembelajaran secara maya dapat meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran walaupun ada kalanya berasa terganggu akibat kekurangan kemudahan dan capaian kepada internet (Noraffandy & Ling, 2011). Namun begitu terdapat juga kajian lain yang menyatakan bahawa pembelajaran secara dalam talian didapati agak kurang keberkesanannya berbanding pengajaran secara bersemuka. Kajian mendapati bahawa pengajaran secara dalam talian dilihat kurang berkesan iaitu 92% berbanding pengajaran secara bersemuka. Namun begitu, 3% berpendapat sebaliknya iaitu pengajaran secara dalam talian lebih berkesan berbanding tradisional dan 4% lagi adalah pendapat bercampur (Tuan Nguyeng, 2015).

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pembelajaran secara dalam talian dalam kalangan pelajar berdasarkan pengkhususan pengajian di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Fokus kajian terhadap empat aspek iaitu meninjau aplikasi digital utama untuk akses kepada pembelajaran, mengenal tahap pembelajaran pelajar semasa mengikuti pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian berdasarkan pengkhususan pengajian, mengenal pasti isu utama dalam aspek pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran secara dalam talian berdasarkan pengkhususan pengajian, mengenal pasti isu utama dalam aspek pentaksiran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran secara dalam talian.

Objektif khusus adalah untuk;

- i) Meninjau aplikasi digital utama untuk akses kepada pembelajaran
- ii) Mengenal tahap pembelajaran pelajar semasa mengikuti pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian berdasarkan pengkhususan pengajian;
- iii) Mengenal pasti isu utama dalam aspek pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti pembelajaran secara dalam talian berdasarkan pengkhususan pengajian;
- iv) Mengenal pasti isu utama dalam aspek pentaksiran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Persoalan kajian

Berdasarkan objektif tersebut, pengkaji telah membina lima persoalan untuk dijawab melalui kajian ini, iaitu;

- i) Apakah perisian utama yang digunakan oleh pelajar dalam PdP semasa mengikuti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian?
- ii) Apakah tahap pembelajaran pelajar semasa mengikuti pelaksanaan pembelajaran secara atas talian berdasarkan pengkhususan pengajaran?
- iii) Apakah isu utama dalam aspek pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti pembelajaran secara dalam talian berdasarkan pengkhususan pengajaran?
- iv) Apakah isu utama dalam aspek pentaksiran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran secara dalam talian?


## REKA BENTUK KAJIAN

### *Model Gabungan dengan Tujuan Pedagogi, Bosch*

Anderson (2011)<sup>[16]</sup> dan Picciano (2017)<sup>[17]</sup> telah meninjau sebilangan besar teori yang berkaitan dengan teknologi dan pengajaran dan telah mencadangkan bahawa satu model bersepada yang dapat menggambarkan satu fenomena pedagogi dalam pendidikan dalam talian. Andaian utama model ini adalah bahawa pendidikan dalam talian berkembang sebagai subset pembelajaran secara umum dan bukannya subset jarak belajar. Bosch (2016)<sup>[18]</sup>, dalam tinjauan literatur bidang teknologi pengajaran telah mengenal pasti dan membandingkan empat model pembelajaran gabungan (*blended learning*) dengan menggunakan dua puluh dua komponen reka bentuk yang berbeza. Model-model ini menekankan penyatuan pedagogi dan teknologi dalam mereka bentuk sesuatu kursus.

### **Rajah 1**

#### *Adaptasi Model Gabungan dengan Tujuan Pedagogi, Bosch (2016)*



Berdasarkan Rajah 1, Bosch (2016)<sup>[18]</sup> telah mengemukakan Model Gabungan dengan Tujuan Pedagogi (*Blending with Pedagogical Purpose Model*), di mana objektif dan aktiviti pedagogi mendorong pendekatan, termasuk teknologi dalam talian yang digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran. Model ini juga menunjukkan bahawa pengadunan objektif, aktiviti, dan pendekatan dalam pelbagai kaedah yang paling berkesan dan menarik minat, sebilangan besar pelajar. Model ini mengandungi enam matlamat asas pedagogi dan pendekatan untuk mencapai pembelajaran yang optimum. Enam modul yang membentuk matlamat asas pedagogi dalam model ini adalah kandungan (*content*), dialektik atau soal jawab (*dialectic or questioning*), refleksi (*refelction*), pembelajaran kolaboratif (*collaborative learning*), penilaian (*evaluation*) dan sokongan sosial dan emosi (*social and emotional support*). Keenam-enam modul dalam model ini adalah pedagogi yang mendorong pendekatan yang paling berkesan untuk menyokong pembelajaran pelajar secara dalam talian. Setiap modul ini juga boleh bersilang atau bertindih bergantung kepada pendekatan yang digunakan. Sebagai contoh, beberapa refleksi dapat dimasukkan ke dalam kolaboratif atau tidak, bergantung pada bagaimana aktiviti kolaboratif dirancang.

## REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan (*explanatory mixed method*) yang menggabungkan reka bentuk kajian kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk kajian kuantitatif melibatkan kaedah kajian tinjauan, manakala reka bentuk kajian kualitatif pula menggunakan kaedah temu bual. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah utama kajian. Data-data kualitatif pula digunakan sebagai data sokongan untuk mengukuhkan dapatan kajian. Satu set instrumen kajian telah diedarkan kepada pelajar-pelajar yang menjadi responden dalam kajian ini. Instrumen tersebut meliputi enam (6) bahagian iaitu Bahagian A: Latar Belakang Pelajar; Bahagian B: Perspektif Terhadap Pembelajaran Secara Dalam Talian; Bahagian C: Pelaksanaan Pembelajaran Secara Dalam Talian; Bahagian D: Isu Berkaitan Pentaksiran; Bahagian E: Kesesuaian Pelaksanaan Pembelajaran Dalam Talian; Bahagian F: Soalan Respon Terbuka. Setiap item dijawab berdasarkan Skala Likert dengan 1. Sangat tidak setuju; 2. Tidak setuju; 3. Kurang setuju; 4. setuju; dan 5. Sangat setuju.

### *Kesahan dan Kebolehpercayaan*

Sebelum menjalankan kajian, instrumen yang dibina telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan setiap item yang diuji. Bagi tujuan kesahan, pengkaji telah menjalankan kesahan kandungan dengan merujuk instrumen tersebut kepada seorang pakar iaitu seorang Ketua Jabatan dan seorang Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Melayu dan seorang pensyarah yang juga terlibat dalam pengajaran di IPG. Teguran dan pandangan daripada 3 orang pakar ini telah diambil kira dalam pemurnian dari segi penggunaan bahasa, kejelasan maksud dan isi kandungan setiap item yang dibina. Instrumen yang telah diuji kesahannya itu diuji pula kepada 30 orang pelajar dan mereka tidak terlibat dalam kajian ini untuk menguji kebolehpercayaan item yang dibina. Setelah diuji, pengkaji mendapat bahawa reabiliti instrumen adalah 0.829 yang melibatkan 28 item. Oleh yang demikian, item yang dibina boleh digunakan untuk tujuan kajian dan dapat mengukur setiap konstruk yang terdapat dalam kajian ini.

## ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan berpandukan program `Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 22.0. Pengkaji melaksanakan pentaksiran skor min berdasarkan pentaksiran oleh Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dasar Pendidikan (2006b) dengan mengintepretasikan min tahap kesediaan dan penglibatan murid dalam kajian ini seperti yang berikut:

### Jadual 1

### *Jadual Penentuan Min*

BIL	NILAI MIN	ARAS
1	4.30 hingga 5.00	Sangat Tinggi
2	3.50 hingga 4.29	Tinggi
3	2.70 hingga 3.49	Memuaskan
4	1.90 hingga 2.69	Rendah
5	1.00 hingga 1.89	Sangat Rendah

Sumber: Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dasar Pendidikan (2006b)

Sampel dalam kajian ini terdiri daripada 496 orang pelajar dari IPG kampus Ilmu Khas yang berada di pelbagai peringkat pengajian dan pengkhususan pengajian. Taburan sampel ditunjukkan seperti dalam Jadual 2.

### **Jadual 2**

#### *Demografi Sampel*


BIL	PENGKHUSUSAN	N	%	SEMESTER PENGAJIAN
1	PK Masalah Pembelajaran	52	10.5	
2	PK Masalah Pendengaran	64	12.9	PISMP Semester 8 = 32 (6.5)
3	PK Masalah Penglihatan	22	4.4	PISMP Semester 6 = 11 (2.2)
4	Pendidikan Muzik	19	3.8	PISMP Semester 4= 46 (9.3) PISMP Semester 2 = 185 (37.3)
5	Pend Jasmani Kesihatan	82	16.5	PPISMP Semester 2 = 195 (39.3)
6	Peng Bahasa Inggeris	59	11.9	PITO Semester 2 = 16 (3.2)
7	Pend Seni Visual	87	17.5	PDPP Semester 3 = 4 (0.8)
8	Peng Bahasa Melayu	52	10.5	PDPP Semester 1 = 7 (1.4)
9	Pendidikan Islam	59	11.9	
<b>Keseluruhan</b>		<b>496</b>	<b>100.0</b>	<b>Lelaki = 87 (34.3%); Perempuan=167 (65.7%)</b>

Berdasarkan Jadual 2, seramai 496 orang pelajar dari sembilan (9) pengkhususan pengajian terlibat dalam kajian ini. Bilangan terbanyak adalah pelajar daripada Pengkhususan Pendidikan Seni Visual (87 orang; 17.5%) manakala yang paling sedikit adalah pelajar daripada Pengkhususan Pendidikan Muzik (19 orang; 3.8%). Pecahan mengikut peringkat pengajian pula menunjukkan bahawa pelajar dari Kursus PraProgram Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP) semester 2 adalah yang terbanyak (195; 39.3%), manakala kumpulan yang paling sedikit adalah dari Program Diploma Pendidikan Perguruan semester 3 (4 orang; 0.8%). Daripada jumlah keseluruhan sampel kajian, 87 (34.3%) adalah pelajar lelaki manakala bakinya, 167 (65.7%) lagi adalah pelajar perempuan.

Untuk menjawab persoalan pertama kajian iaitu apakah perisian utama yang digunakan oleh pelajar dalam PdP semasa mengikuti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, dapatkan kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.

## Rajah 1

Perisian Utama Untuk Akses Kepada Pembelajaran



Merujuk Rajah 1, dapatan kajian menunjukkan bahawa perisian utama yang digunakan oleh pelajar dalam PdP semasa mengikuti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, adalah aplikasi *whatsapp* (462 orang = 92.2%). Aplikasi *google classroom* mencatatkan jumlah sebanyak 445 (89.8%) dan *google meet* pula mencatatkan jumlah sebanyak 430 (86.7%). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat pelbagai perisian lain yang digunakan oleh pelajar untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan catatan 238 orang (47.8%).

Bagi menjawab persolan kedua kajian iaitu apakah tahap pembelajaran pelajar semasa mengikuti pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian berdasarkan pengkhususan pengajaran, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 3.

### Jadual 3:

Tahap Pembelajaran Pelajar Semasa Mengikuti Pelaksanaan Pembelajaran Secara Dalam Talian Berdasarkan Bidang Pengkhususan Pengajaran

BIL	PENGKHUSUSAN	min	sp
1	PK Masalah pembelajaran	3.62	.37
2	PK Masalah Pendengaran	3.71	.30
3	PK Masalah Penglihatan	3.74	.33
4	Pendidikan Muzik	3.63	.37
5	Pendidikan Jasmani Kesihatan	3.63	.35
6	Pengkhususan Bahasa Inggeris	3.78	.33
7	Pendidikan Seni Visual	3.62	.36
8	Pengajaran Bahasa Melayu	3.54	.49
9	Pendidikan Islam	3.76	.30
KESELURUHAN		<b>3.67</b>	<b>.36</b>

Dengan merujuk Jadual 3, tahap pembelajaran pelajar semasa mengikuti pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian bagi semua pengkhususan pengajian berada pada tahap tinggi dengan min antara 3.54 - 3.78. Tahap pembelajaran tertinggi berdasarkan pengkhususan pengajian pula menunjukkan bahawa pelajar Pengkhususan Pengajian Bahasa Inggeris dengan min 3.78 (sp= .33) dan diikuti oleh pelajar Pengkhususan Pendidikan Islam dengan min 3.76 (sp= .30). Walaupun tahap pelaksanaan pembelajaran bagi keseluruhan bagi semua pengkhususan pengajian berada pada tahap tinggi, namun begitu pelajar Pengkhususan Bahasa Melayu mencatatkan min terendah (min 3.54; sp= .49).

Dapatkan data secara kualitatif juga menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah ketika mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Antara respon yang diberikan adalah seperti berikut;

*SG1: Rumah saya kecil. Situlah kami berkumpul dan bermain. Mana ada tempat khas untuk belajar.*

*SG2: susah belajar kat rumah ni. kadang-kadang mak minta tolong. Masa tu pulak kita ada kelas. Nak tolak serba tak kena? Nam buat camna? Suasana untuk belajar tak kondusif. Memang tak selesalah nak belajar secara online ni...*

Menjawab persoalan ketiga kajian pula, apakah isu utama dalam aspek pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran secara dalam talian berdasarkan pengkhususan pengajian, dapatkan kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.

#### **Jadual 4:**

*Analisis Isu Utama Dalam Aspek Pembelajaran Yang Dihadapi oleh Pelajar Semasa Mengikuti Proses Pembelajaran Secara Dalam Talian*

Bil	Item	min	sp
1	dapat menghubungi pensyarah pada bila-bila masa apabila diperlukan.	3.68	.83
2	tidak berasa terbeban untuk menyelesaikan tugas kerja kursus.	3.14	.14
3	berasa motivasi untuk membuat tugas kerja kursus tidak terjejas.	2.97	.08
4	dapati pembelajaran secara dalam talian tidak membebangkan.	2.88	.08
5	menghadapi masalah kemudahan akses internet untuk tujuan pembelajaran	3.36	.17
6	berpendapat bahawa pensyarah memahami masalah yang dihadapi oleh pelajar.	3.68	.94
7	dapati walaupun tiada perjumpaan bersemuka dengan pensyarah, kandungan kursus masih boleh difahami.	3.48	.91
8	dapati pensyarah berkebolehan untuk melaksanakan kelas secara dalam talian	3.95	.66
9	yakin pensyarah dapat menyampaikan kandungan kursus dengan berkesan.	3.85	.72

Merujuk Jadual 4, item kelima iaitu menghadapi sebarang masalah kemudahan akses internet untuk tujuan pembelajaran mencatatkan min 3.36 (sp=.17). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menghadapi masalah untuk akses kepada internet ketika mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian. Dapatkan data secara kualitatif pula adalah seperti berikut;

*SG3: Saya terpaksa mencari satu sudut yang sesuai di rumah. Capaian internet di rumah saya tak kuat. Saya tak mampu melanggan pelan internet yang lebih laju. Ini buat saya stress dan selalu ketinggalan kelas.*

SG4: *Saya ada lima orang adik sekolah. Bapa tak mampu beli gajet untuk semua orang. Saya la beralah dengan adik yang mengambil SPM. Saya cuba ikuti rakaman kelas pada waktu malam tapi selalu tak puas.*

SG5: *Rumah saya kecil. Situlah kami berkumpul dan bermain. Mana ada tempat khas untuk belajar.*

Bagi menjawab persoalan keempat kajian iaitu apakah isu utama dalam aspek pentaksiran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran secara dalam talian, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.

### **Jadual 5**

*Analisis Item Untuk Isu Utama Dalam Aspek Pentaksiran Semasa Pelaksanaan Pembelajaran Secara Dalam Talian*

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>min</b>	<b>sp</b>
1	berpendapat bahawa pensyarah tidak terlalu rigid dengan tarikh penghantaran kerja kursus	3.51	.94
2	dapat menghantar kerja kursus mengikut tempoh masa yang diberikan.	3.77	.81
3	menerima kembali kerja kursus yang telah disemak oleh pensyarah.	3.77	.76
4	menghadapi masalah untuk melaksanakan tugas secara berkumpulan.	3.71	.97
5	hasil tugas pelajar secara dalam talian adalah lebih baik berbanding interaksi bersemuka	3.27	.91
6	pensyarah juga memberikan maklum balas yang sesuai terhadap tugas yang dihantar.	3.96	.67
7	berpuas hati dengan markah yang diberikan oleh pensyarah.	3.91	.65
8	berpendapat bahawa tiga tugas yang diberikan mencakupi semua hasil pembelajaran kursus yang telah ditetapkan dalam kandungan kursus.	3.78	.93
9	Menghadapi masalah untuk mengikuti sesi pentaksiran alternatif (peperiksaan akhir) bagi setiap kursus yang berkaitan.	3.31	.95

Merujuk Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa Item 5 iaitu hasil tugas SG secara atas talian adalah lebih baik berbanding interaksi bersemuka mencatatkan min 3.27 (sp=.91). Ini membuktikan bahawa pelajar menghadapi masalah untuk menghasilkan kerja kursus dengan lebih baik berbanding dengan perjumpaan secara bersemuka bersama pensyarah. Data secara kualitatif melalui sesi temu bual pula adalah seperti berikut;

SG6: *Saya rasa sukar memahami penerangan yang disampaikan oleh pensyarah. Sebab tu tak berapa nak faham sebenarnya apa yang diterangkan tu. Susahlah ...*

SG7: *Saya suka bertanya soalan dan berbincang secara terus. Tapi masa online, saya stress. Tak dapat tanya soalan. Nak tengok mata pensyarah pun susah.*

SG8: *Dahlah internet slow, bila nak tanya respon pensyarah, emmm.. suaranya terputus-putus.nak faham kot mana? Akhirnya bua ajalah apa yang saya fahamnya!*

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan kajian pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian dalam kalangan pelajar, dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan daripada mereka menggunakan aplikasi *whatsapp*, *google classroom* dan *google meet* sebagai medium untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Dapatkan ini juga adalah selaras dengan kajian terdahulu yang menunjukkan perisian *google classroom* menjadi antara aplikasi yang paling banyak digunakan oleh pensyarah di Kolej Universiti Islam Selangor, aplikasi ini memudahkan pensyarah memuat naik nota dan tugas serta membuat kuliah secara selari. Terdapat pelbagai ciri yang diperbaharui oleh *google* dalam memastikan sektor pendidikan sama ada pelajar dan pensyarah menggunakan aplikasi *google classroom* secara semaksimum yang mungkin (Nurul Jamilah, 2020)<sup>[20]</sup>. Walau bagaimanapun para pensyarah juga digalakkan untuk menggunakan pelbagai medium dan perisian yang lain agar PdP menjadi lebih interaktif dan dapat menarik minat pelajar.

Selain itu, dapatlah juga dirumuskan bahawa isu utama dalam aspek pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran secara dalam talian adalah masalah untuk akses kepada rangkaian internet dan kesukaran untuk menyempurnakan tugas dengan lebih baik berbanding dengan pembelajaran secara bersemuka. Dapatkan kajian ini juga selari dengan kajian pengajaran secara dalam talian yang terdahulu iaitu pengajaran secara dalam talian kurang berkesan berbanding pengajaran secara bersemuka (Tuan Nguyeng, 2015)<sup>[15]</sup>. Justeru, pengkaji mencadangkan agar pensyarah menggunakan pelbagai medium elektronik agar pembelajaran secara dalam talian menjadi lebih menarik dan kemudahan rangkaian internet perlulah dipertingkatkan untuk membolehkan semua pelajar akses kepada rangkaian internet.

Oleh sebab terdapat ramai pelajar yang menyatakan bilangan kerja kursus bagi setiap kursus adalah agak banyak, maka pengkaji mencadangkan agar pihak IPGM menyemak semula struktur pengajaran dan kandungan kurikulum sesuatu kursus. Bilangan kerja kursus dan tugas dalam aktiviti tutorial perlu dikurangkan agar tidak terlalu membebankan pelajar. Selain itu pensyarah juga digalakkan untuk memberikan pendedahan terperinci terhadap setiap tugas agar pelajar dapat menyempurnakan tugas yang diberikan. Pengkaji turut mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan untuk meninjau sudut pandangan para pensyarah pula terhadap pelaksanaan pengajaran secara dalam talian agar pelbagai penambahbaikan boleh dilaksanakan berdasarkan konteks sebenar yang dihadapi oleh kedua-dua pihak, baik pelajar, maupun para pensyarah.

## RUJUKAN

- Anderson, T. (2011). *The theory and practice of online learning* (2<sup>nd</sup> Edition). AU Press.
- Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dasar Pendidikan (2006b). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*.
- Bao, W. (2020). *COVID-19 and atas talian teaching in higher education : A case study of Peking University*. March; 113 - 115. <https://doi.org/10.1002/hbe2.191>
- Bosch, C. (2016). Promoting Self-Directed Learning through the Implementation of Cooperative Learning in a Higher Education Blended Learning Environment. (Doctoral dissertation). North-West University.
- Faizatul Hafilah Abdul Halim & Nor Syahilia Aris. (2017). Persepsi pelajar terhadap pembelajaran teradun (blended learning). *Journal of Technical and Vocational Education*. Volume 1, No. 2; 53-63.

Jabatan Audit Negara Malaysia. (2019). Laporan ketua audit negara 2018. Siri 1 (1<sup>ed</sup>). <https://www.audit.gov.my/index.php/ms/laporan/aktiviti>

Munirah Rosli, Issham Ismail, Azidah Abu Ziden & Hanysah Baharum. (2012). The effectiveness learning materials and activities in e-learning portal. *Malaysian Journal of Distance Education*, 14 (1): 17-24.

Nor Aziah Abdul Aziz & Mohd Taufik Ahmed. (2016). E-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di IPG Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11, 116–130. <https://doi.org/10.1145/3060403.3060449>

Nor Halina Noordin, Norlizawati Hashim & Norhafinas Abd Latib. (2020). Cabaran pensyarah kolej komuniti dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *Dalam e-proceedings of the green technology & engineering 2020 virtual conference. GREENTECH'20*; 193-202.

Nor Hidayati Mokhtar. (2020). *Pembelajaran atas talian untuk pembeleajaran sepanjang hayat*. Newshub UTM.

Noraffandy Yahaya & Ling, N.N. (2011). Kesediaan penggunaan e-learning di kalangan pelajar tahun kedua kursus Sarjana Muda Sains, Komputer serta Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Satu tinjauan. *Jurnal of Educational Social Science*, 1: 121-140.

Noriyani Doman. (2017). *Implikasi google apps dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar pesisir UTHM*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Nurul Jamilah Ismail Rani. (2020). Keberkesanan komunikasi tidak bersemuka dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dalam Tempoh Pendamik. *Proceeding of the 7th International Conference on Management and Muamalah (ICoMM 2020)*; 151-155.

Picciano, A. G. (2017). Theories and frameworks for online education: Seeking an integrated model. *Online Learning*, 21(3), 166-190. doi: 10.24059/olj.v21i3.1225

Syed Lamsah Syed Chear. (2017.). In Press (Pratatapan) Pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi whatsapp dan telegram di Universiti Swasta (Teaching and learning through whatsapp and telegram application at a private university). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(2).

Thulasimani Munohsamy. (2014). Integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. Institut Teknologi Brunei. *Journal IPA Bil.23*.

Tuan Nguyen (2015). The effectiveness of online learning: beyond no significant difference and future horizons. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching Vol. 11, No. 2, June*.

Valentina A. & Nelly A. (2014). The role of e-learning, the advantages and disadvantages of its adoption in higher education. *International Journal of Education and Research* 2(12): 29-43.

Yasmin Saw. (2020). *Pembelajaran dalam talian pada masa krisis Covid-19*. <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/238042>

Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad. (2010). E-Pembelajaran: Evolusi internet dalam pembelajaran sepanjang hayat. *Proceedings of regional conference on knowledge integration in ICT*.